



L'Apprenti Persiap Pelajar dalam Pasaran Kerja



Majlis perasmian kompleks perkhidmatan makanan dan pelancaran jenama L'Apprenti.

SERDANG, 7 April – Jabatan Pengurusan & Khidmat Makanan, Fakulti Sains & Teknologi Makanan (FSTM) memberi kemahiran pekerjaan kepada pelajarannya melalui penubuhan Kompleks Perkhidmatan Makanan.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kemudahan teknologi tinggi yang ada di kompleks itu dapat membantu pelajar yang terlibat dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan makanan.

“Kompleks ini yang dilengkapi dengan dapur industri termaju dijadikan pusat latihan bukan sahaja untuk pelajar dan staf UPM tetapi kepada mereka yang terlibat dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan makanan,” katanya pada majlis perasmian Kompleks Perkhidmatan Makanan dan Pelancaran Jenama L'Apprenti.



Majlis perasmian kompleks perkhidmatan makanan dan pelancaran jenama L'Apprenti.

Beliau turut berkata jenama L'Apprenti yang bermaksud 'Apprentice' ialah jenama yang memfokuskan pelajar untuk menempatkan program, modul latihan dan produk baru pelajar dalam minda pelanggan.

Sementara itu, penubuhan Unit Analisis Makanan di bawah Jabatan Sains Makanan, Unit Loji Pemandu di bawah Jabatan Teknologi Makanan dan Kompleks Perkhidmatan Makanan di bawah Jabatan Pengurusan dan Khidmat Makanan berperanan melahirkan pelajar dan staf yang terlatih dalam bidang teknologi dan perkhidmatan makanan.

Sebelum ini, dua perjanjian persefahaman (MoU) antara FSTM dengan syarikat Johnson Diversey Sdn. Bhd. dan Din Baker Handel Sdn. Bhd. telah dimeterai bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Kompleks Perkhidmatan Makanan.



Majlis perasmian kompleks perkhidmatan makanan dan pelancaran jenama L'Apprenti.

"Saya memilih kursus ini sebagai pilihan pertama kerana bercita-cita ingin menjadi menjadi pengurus restoran dan mendapat pendedahan teknologi pengawetan," kata Pelajar Bacelor Sains Pengajian Makanan, Khairil Ezzuan, 21.

Manakala Safiyah Shahrin, 23, pelajar Bacelor Sains Pengajian Makanan berkata Kompleks Perkhidmatan Makanan dapat meningkatkan taraf perkhidmatan makanan di Malaysia.



Majlis perasmian kompleks perkhidmatan makanan dan pelancaran jenama L'Apprenti.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM (Nik Nur Amallina Nik Hassan Shah, Siti Nurazmah Mohd Azman 03-89466013)